

## **Bahagian Teknologi Maklumat**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang,

Blok C, Wisma Sri Pahang,

Jalan Masjid,

**25503 KUANTAN.**

### **NOTIS SEBUT HARGA**

NO. SEBUT HARGA : **SUK.PHG.SHA.13/2019 (BTM)**

TAJUK SEBUT HARGA : **SEBUT HARGA PENINGKATAN FUNGSI HIGH AVAILABILITY DENGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, DAN MENTAULIAHKAN SISTEM FIREWALL PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG BAGI TAHUN 2019**

- 1 Sebut Harga dipelawa daripada pembekal / kontraktor bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah bidang / sub bidang / pecahan bidang **210107**.
- 2 Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **04 April 2019 (Khamis)** di **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok C Wisma Sri Pahang, Jalan Masjid, 25503 Kuantan** dengan mengemukakan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran Bumiputra** yang asal dan masih sah tempoh **lakunya** untuk semakan **sebelum** membuat pembayaran.
- 3 Dokumen sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada pembekal / kontraktor atau wakil yang sah sahaja. **Wakil** yang ditakrifkan dalam ayat ini ialah **orang yang diberi kuasa dan namanya tidak tercatat dalam sijil pendaftaran sebagai ahli lembaga syarikat**. Bagi maksud ini, wakil hendaklah membawa bersama **surat wakil daripada syarikat**.
- 4 Bayaran sebanyak **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** melalui **Wang Pos / Bank Deraf** yang berpaling atas nama **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG** atau secara **tunai** hendaklah dibuat di **Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Tingkat 1, Blok B Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan** untuk mendapatkan resit pembayaran.
- 5 Sila kemukakan resit pembayaran untuk mendapatkan dokumen sebut harga di **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok C Wisma Sri Pahang, Jalan Masjid, 25503 Kuantan**.
- 6 Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok C Wisma Sri Pahang, Jalan Masjid, 25503 Kuantan** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **17 April 2019 (Rabu)**.